



ALBUM ... Ahmad Fedtri (tengah, baju hitam) bergambar kenangan bersama peserta Kursus Pengacaraan Majlis di Anjung Siswa UMS.

31/3/2011 UB B13

76 pelajar UMS sertai kursus pengacaraan majlis

KOTA KINABALU: Seramai 76 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) kampus induk dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menyertai Kursus Pengacaraan Majlis anjuran Jabatan Hal Ehwal (HEP) UMS pada Isnin lalu.

Penceramah jemputan, Ahmad Fedtri Yahya berkata kepintaran berfikir, kepetahan bertutur, ketajaman pengamatan, berfikiran kreatif dan bersedia mempelajari sesuatu yang baru adalah antara ciri-ciri seorang pengacara yang baik.

Katanya, untuk menjadi seorang pengacara yang hebat maka perlulah disertakan dengan minat yang mendalam dalam bidang ini.

Beliau yang juga pengacara terkenal TV3 berkata, tugas dan tanggungjawab seorang pengacara bukanlah mudah seperti yang dijangkakan kerana kelancaran dan kejayaan sesebuah majlis bergantung sepenuhnya kepada pengacaranya.

Oleh itu, tambahnya, demi memastikan kejayaan majlis kendaliannya, seseorang pengacara itu perlu memperlempangkan diri dengan ilmu serta kemahiran dalam bidang pengacaraan.



PENGACARA TERKENAL ... Ahmad Fedtri (depan) mengendalikan kursus pengacaraan majlis di Bilik Seminar Anjung Siswa UMS.

“Dalam kehidupan kita sehari-hari, ada kalanya kita diminta untuk menjadi pengacara bagi sesuatu majlis yang diadakan. Seringkali kita beranggapan tugas sebagai pengacara adalah mudah dan glamour tetapi ia tidak mudah yang kita fikirkan kerana kelancaran dan kejayaan sesuatu majlis bergantung sepenuhnya kepada pengacara majlis,” kata Ahmad.

Majlis perasmian penutupan dan penyampaian sijil kepada peserta telah disempurnakan oleh Penolong Pendaftar Kanan HEPA, Masri Judah, yang mewakili Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Darwis Awang.

Katanya, kursus itu

bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada mahasiswa UMS tatacara mengacara atau mengendalikan sebuah majlis sama ada rasmi atau tidak rasmi dengan sebaik-baiknya dalam sesuatu program.

Masri berkata, penganjuran kursus seumpama ini dapat melahirkan pelajar-pelajar yang hebat dari segi pengacaraan dan softskill yang diperlukan oleh universiti dan negara dan sekaligus mampu membina keyakinan diri, bimbingan cara melaksanakan sesuatu tugas dan kemahiran berkomunikasi dengan baik.